



KOPERASI PEGAWAI PEJABAT PENGARAH  
TANAH DAN GALIAN KUALA LUMPUR BERHAD  
(No. Daftar : W-40857)  
A-2-5, Level 4, Blok A, Menara Uncang Emas, 85,  
Jalan Loke Yew, 55200 Kuala Lumpur

## **Peraturan dan Terma Rujukan TABUNG KEBAJIKAN KOPTG.**

### **1. NAMA**

Tabung ini dinamakan Tabung Kebajikan Koperasi Pegawai Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Kuala Lumpur Berhad yang selepas ini disebutkan sebagai **TABUNG KEBAJIKAN KOPTG.**

### **2. TUJUAN**

- i. Memberi bantuan kepada anggota yang sakit dan mendapatkan rawatan di wad.
- ii. Memberi sumbangan kepada anggota yang melangsungkan perkahwinan.
- iii. Memberi sumbangan kepada anggota yang bakal mengerjakan fardhu haji.
- iv. Memberi sumbangan kepada waris anggota yang meninggal dunia.
- v. Memberi sumbangan kepada anggota atau pasangan (salah seorang sahaja) sempena mendapat cahaya mata.
- vi. Mengadakan program kemasyarakatan / kebajikan / lawatan sambil belajar bagi anggota.
- vii. Memberi sumbangan kepada anggota yang ditimpa kemalangan dan musibah seperti bencana alam seperti banjir, kebakaran, kemalangan dan tanah runtuh.

### **3. TAFSIRAN**

Di dalam peraturan ini melainkan ada sesuatu perkara atau perkataan maknanya maka taksiran berikut adalah digunakan.

- i. Tabung Kebajikan – tabung yang diwujudkan untuk memberi sumbangan kebajikan kepada anggota koperasi.
- ii. ‘Anggota’ maknanya anggota yang telah sah diterima masuk menjadi anggota mengikut Undang-undang Kecil Koperasi ini.
- iii. ‘Suami/isteri’ maknanya suami atau isteri-isteri anggota Koperasi ini yang sah di sisi undang-undang.
- iv. ‘ALK’ maknanya Anggota Lembaga Koperasi yang dilantik di bawah Undang-undang Kecil Koperasi ini.
- v. ‘Keluarga anggota’ termasuklah:-
  - a. isteri atau isteri-isteri,
  - b. Suami,
  - c. anak-anak yang di bawah tanggungan.
  - d. Anak angkat yang sah di sisi undang-undang dan juga anak-anak tiri.
  - e. Ibu bapa kandung serta ibu bapa mertua.

### **4. KEWANGAN**

Sumber kewangan diperolehi dari dana **TABUNG KEBAJIKAN KOPTG** bagi aktiviti kebajikan anggota. Wang yang dikeluarkan bagi tujuan membayar:-

- i. Sumbangan mengerjakan Haji.
- ii. Sumbangan perkahwinan.
- iii. Sumbangan kelahiran anak.
- iv. Sumbangan masuk wad.
- v. Sumbangan kematian anggota.
- vi. Program kemasyarakatan / kebajikan / lawatan.
- vii. Sumbangan akibat bencana.

### **5. PENTADBIRAN**

Tabung ini hendaklah ditadbir urus oleh Anggota Lembaga KOPTG.

## **6. REKOD-REKOD**

- i. Rekod daftar keanggotaan.
- ii. Salinan surat/sijil/surat tawaran/laporan polis bagi semua sumbangan yang menunjukkan nama dan butir pemohon.
- iii. Setiausaha dan Bendahari KOPTG hendaklah menyelenggarakan segala surat menyurat berkenaan tabung ini berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada anggota.

## **7. PENAMA**

Terdiri dari isteri, suami, ibubapa atau anggota waris terdekat yang sah dari sisi undang-undang.

## **8. KELAYAKAN MENDAPAT FAEDAH**

- i. Semua sumbangan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2016.
- ii. Faedah-faedah dibawah peraturan ini tidak boleh dibayar kecuali anggota itu telah menjadi anggota berdaftar KOPTG yang sah dengan tidak putus-putus sekurang-kurangnya selama enam (6) bulan.
- iii. Sumbangan masuk wad perlu sokongan dengan dokumen pengesahan keluar masuk wad oleh hospital yang berkenaan.
- iv. Sumbangan perkahwinan anggota perlu disokong dengan sijil nikah atau sijil pendaftaran perkahwinan.
- v. Sumbangan kelahiran cahaya mata anggota atau pasangan (salahseorang) perlu disokong dengan sijil kelahiran.
- vi. Sumbangan mengerjakan haji anggota perlu disokong dengan surat tawaran haji.
- vii. Sumbangan Bencana perlu disokong dengan laporan polis atau dokumen berkaitan.
- viii. Sumbangan faedah kematian perlu disokong dengan salinan Sijil Kematian, Surat Beranak Anggota (Ibu/Bapa Kandung), Sijil Nikah (Pasangan), Surat Beranak (Anak).
- ix. Pengajuran program kemasyarakatan akan diputuskan oleh ALK mengikut keperluan dan kemampuan kewangan KOPTG.

## x. KADAR SUMBANGAN

Sumbangan masuk wad	<ul style="list-style-type: none"><li>• RM50/semalam, maksima 6 malam (RM300)</li><li>• Tertakluk bajet maksima RM500 seorang setahun</li></ul>
Sumbangan perkahwinan	<ul style="list-style-type: none"><li>• RM300 (Sekali sahaja)</li></ul>
Sumbangan kelahiran	<ul style="list-style-type: none"><li>• RM200</li></ul>
Sumbangan mengerjakan Haji	<ul style="list-style-type: none"><li>• RM1000 (Sekali sahaja)</li></ul>
Sumbangan bencana	<ul style="list-style-type: none"><li>• RM100-500</li></ul>
Sumbangan kematian	<ul style="list-style-type: none"><li>• Anggota : RM2000 <b>(bermula 1 Julai 2023)</b></li><li>• Anggota (bujang sahaja) :<ul style="list-style-type: none"><li>- bu/bapa kandung RM500</li></ul></li><li>• Anggota berkahwin :<ul style="list-style-type: none"><li>- Pasangan RM500 (sekali sahaja)</li><li>- Anak-anak berumur kurang 18 tahun RM500 (2 kali sahaja)</li></ul></li></ul> <p><b>(bermula 1 Oktober 2023)</b></p>

## 9. TUNTUTAN

- i. Semua tuntutan hendaklah menggunakan Borang Tuntutan Biro Kebajikan dengan mengemukakan salinan dokumen yang disahkan dihantar terus kepada Pengerusi Biro Kebajikan.
- ii. Semua tuntutan akan diurus oleh KOPTG dalam tempoh tidak melebihi 14 hari daripada tarikh penerimaan Borang Tuntutan.
- iii. Semua tuntutan yang melangkau tahun semasa tidak akan dipertimbangkan.

## 10. AUDIT

Kira-kira tabung ini hendaklah diaudit dengan cara yang sama mengikut kehendak peraturan-peraturan KOPTG.

## 11. PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN DALAM PERATURAN

Keputusan Anggota Lembaga KOPTG adalah muktamad mengenai perkara-perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini melainkan jika dibatalkan oleh Mesyuarat Agung KOPTG.